

17/07/2001

Majlis makan malam cipta sejarah

Amir Mamat

MELAKA, Isnin - Jamuan makan malam rakyat bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dataran Sejarah Ayer Keroh di sini, malam ini mencipta sejarah sebagai majlis makan malam terbesar di Malaysia.

Dengan lebih 25,000 tetamu, majlis itu turut mengumpulkan sumbangan RM100,000 untuk Tabung Pemulihan Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya.

Dr Mahathir ketika berucap berkata, jamuan sebesar ini yang berlangsung begitu aman dan tidak diganggu keadaan yang tidak tenteram menunjukkan perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini.

Jamuan itu kini tercatat dalam Malaysia Book of Records sebagai majlis jamuan yang dihadiri paling ramai orang di negara ini.

Pengarah Urusan Malaysia Book of Records, Danny Ooi, menyampaikan sijil pengiktirafan bagi pencapaian bersejarah itu kepada Dr Mahathir untuk diserahkan kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Sumbangan untuk mengisi Tabung Pemulihan Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya dikutip dari kalangan tetamu yang hadir termasuk Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka yang menyumbangkan RM10,000, parti komponen Barisan Nasional, beberapa syarikat dan orang perseorangan yang diserahkan oleh Mohd Ali kepada Dr Mahathir yang kemudian menyerahkannya kepada Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST) Sdn Bhd, Datuk Ahmad A Talib.

Kutipan tabung itu dilancarkan oleh NST berikutan kebakaran dewan berkenaan pada 29 Jun lalu, kira-kira jam 3.45 pagi menyebabkan kerugian kira-kira RM12.4 juta.

Selain itu, majlis makan malam rakyat ini juga akan dicatatkan dalam Malaysia Book Of Record untuk kategori Pencapaian Kemanusiaan.

Pada majlis itu, pihak penganjur menyediakan 2,500 meja iaitu 10 orang untuk setiap meja.

Kejayaan ini sekali gus memadamkan rekod 2,255 meja yang dianjurkan Barisan Nasional Negeri Sembilan pada 12 Ogos 1999.

Selain itu, majlis itu turut diselangi bacaan puisi oleh Noor S M yang bertajuk 'Percakapan Puisi Untuk Mahathir'.

Kemuncak majlis itu ialah persembahan bunga api pada jam 11.10 malam dan berakhir jam 11.20 malam.

Majlis turut dihadiri bekas timbalan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Batu Berendam, Tun Abdul Ghafar Baba.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tanggungjawab rakyat menentukan keamanan dan kebebasan yang dikecapi diteruskan.

Katanya, antara kejayaan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang paling besar ialah dapat mewujudkan keamanan, keharmonian dan kerjasama antara kaum di negara ini.

"Inilah Malaysia, aman, makmur, bebas, maju dengan pesat. BN adalah pilihan yang bijak kerana ia (BN) memberikan kebebasan kepada majoriti rakyat di negara ini," katanya.

(END)